

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2021**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB PUAN TERESA KOK SUH SIM [SEPUTEH]**

**TARIKH : 7 OKTOBER 2021 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**PUAN TERESA KOK SUH SIM [ SEPUTEH ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan dasar baru pengambilan pekerja asing ke Malaysia. Apakah yang akan dilakukan oleh Kerajaan terhadap beribu-ribu tahanan PATI yang sudah menjalani hukuman tetapi masih berada dalam tahanan.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

Dalam keadaan terdapat dua (2) dasar baharu pengambilan pekerja asing iaitu:

- i. Program Rekalibrasi Tenaga Kerja  
Program ini diperkenalkan pada 16 November 2020 bagi menangani isu kekurangan tenaga kerja susulan daripada pembekuan pengambilan tenaga kerja baharu. Program ini dilaksanakan secara bersama antara Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dan Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM); dan
- ii. Program Pertukaran Majikan  
Kerajaan pada 4 Jun 2020 telah bersetuju menambahbaik prosedur Permohonan Pertukaran Majikan sedia ada dengan memberi kelonggaran kepada majikan untuk membuat *cross sector*. Kelonggaran turut diberi kepada majikan asal untuk melepaskan sebilangan pekerja dan majikan asal tersebut tidak akan disenarai hitam.

Berdasarkan maklumat dari Kementerian Dalam Negeri (KDN), sehingga 25 Ogos 2021, JIM telah merekodkan seramai 17,955 orang tahanan di Depot Imigresen di seluruh negara terdiri daripada pelbagai warganegara. Para tahanan ini ditempatkan di Depot Imigresen sebelum dihantar pulang ke negara asal setelah selesai menjalani hukuman tertakluk kepada Akta Imigresen 1959/63 [Akta 155] dan Peraturan-Peraturan Imigresen 1963.

Proses penghantaran pulang tahanan ke negara asal yang dikendalikan oleh JIM turut merangkumi kerjasama dengan pihak Perwakilan Asing. Ini termasuklah urusan pengesahan warganegara, penyediaan dokumen perjalanan dan pembiayaan kewangan bagi

## **SOALAN NO : 41**

menampung kos penghantaran pulang tahanan ke negara asal. Sekiranya Perwakilan Asing tidak dapat membiayai kos pengusiran, maka kos tersebut akan ditanggung oleh majikan atau tahanan itu sendiri.